

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [ KAPIT ]**

**TARIKH : 7 OKTOBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan adakah Petronas sudah atau belum mula membayar 5% cukai jualan yang dikenakan ke atas jualan produk petroleum yang dieksport ke luar negara kepada Sarawak. Ini, seperti mana yang diminta oleh Kerajaan Sarawak. Jelaskan, kalau sudah, berapa dalam Ringgit Malaysia, dan kalau belum, mengapa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, isu berkaitan minyak dan gas adalah kompleks dan melibatkan banyak pihak berkepentingan. Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 17 Disember 2018 memutuskan supaya ianya dibincangkan dalam satu forum berasingan. Dalam hal ini, dua Forum Berasingan (*Separate Forum*) telah dibentuk yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwil Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak (bagi isu berkaitan Sarawak) dan YAB Ketua Menteri Sabah (bagi isu berkaitan Sabah).

2. Skop forum berasingan ini merangkumi tiga (3) perkara iaitu:-
- (i) Bayaran tunai atau Royalti;
  - (ii) Perbincangan komersial / *Business-to-Business* (B2B);  
dan
  - (iii) Cukai Jualan Produk Petroleum.
3. Mesyuarat Pertama Forum Berasingan untuk negeri Sarawak yang dipengerusikan secara bersama oleh YB Menteri Hal Ehwal Ekonomi dan YAB Ketua Menteri Sarawak telah diadakan pada 16 Mei 2019. Mesyuarat antara lain mencadangkan supaya PETRONAS dan Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) mengemukakan satu kertas cadangan berhubung pendekatan terbaik sebagai model penyelesaian komersial.
4. Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet (Pemandu) bagi Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Julai 2019 bersetuju bahawa isu berkaitan petroleum akan dibincangkan dan diputuskan secara bersama antara YAB Perdana Menteri dan kedua-dua Ketua Menteri.
5. Keputusan daripada perbincangan antara ketiga-tiga pemimpin ini akan menjadi asas untuk meneruskan perbincangan termasuk mengenai pelaksanaan Cukai Jualan terhadap produk petroleum yang dieksport keluar dari negeri Sarawak. Memandangkan perkara ini sedang dibincangkan, tiada sebarang pembayaran dibuat oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.